**From:** UUM CORPORATE COMM.
**Sent on:** Monday, 8 August, 2022 11:33:54 AM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** SLCP Dedah Murid Tadika Ikhtiar Pintar Cara Hasilkan Origami

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 OGOS 2022 / 10 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Berita dan gambar oleh: Amierah Batrisyia (Pelajar Pelatih dari Kolej Profesional MARA)

**SLCP DEDAH MURID TADIKA IKHTIAR PINTAR CARA HASILKAN ORIGAMI**



**UUM ONLINE:** Seramai 41 murid Tadika Ikhtiar Pintar berusia 5 dan 6 tahun bersama enam guru pengiring telah mengikuti Kelas Koinobori dan Origami anjuran Unit Pembangunan Profesional (PDU), Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) yang diadakan di Bilik Urusetia Pusat Sukan UUM, baru-baru ini.

Kelas selama empat jam itu telah dikendalikan oleh pensyarah Bahasa Jepun, SLCP, Zeety Kartini Abdul Hamid.

Penyelaras Khidmat Latihan Profesional, PDU, Mohd Hasren Yusuf berkata, objektif program ini adalah untuk memberi pengetahuan asas tentang bahasa dan kepelbagaian budaya negara Jepun.

Menurutnya, kanak-kanak ini diajar menghasilkan koinobori dengan melukis corak ikan kap pada kertas atau kain, manakala untuk aktiviti lipatan origami pula, mereka telah mempelajari cara-cara dan seni melipat kertas bagi menghasilkan origami katak.

Kelas koinobori dan origami ini merupakan satu kelas yang sangat berilmiah, kerana ia mampu memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang bahasa dan budaya lain khususnya pengenalan kepada bahasa, seni dan kraf dari ‘negara matahari terbit’ tersebut.










Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.